

Generasi Quran Mendepani Cabaran Revolusi Industri 4.0

Khairul Anuar Mohamad
Pensyarah
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Univeristi Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai,
Negeri Sembilan, Malaysia,
Tel: +60199572383, E-Mel: khairul@usim.edu.my

Abstrak

Kajian kertas kerja ini adalah berkaitan generasi al-Quran dalam mendepani cabaran semasa yang perlu ditangani dengan sebaik mungkin bagi mengekalkan keteguhan bersama nilai murni ajaran Islam yang di bawa al-Quran. Pendemik Covid 19 yang berlaku di masa ini telah banyak merubah kehidupan sosial manusia. Bagi mengekang wabak dari terus merebak masyarakat perlu menjaga SOP yang telah ditetapkan oleh pihak MKN. Kesan pandemik ini, banyak rutin harian terhalang dilakukan termasuk dalam bab ibadat dan Syariah. Kejadian wabak covid 19 ini berlaku di permulaan perbincangan Revolusi Industri 4.0 yang hangat dalam media dan juga forum. Negara maju telah bergerak ke arah RI 4.0 dalam ertikata penggunaan teknologi lebih pantas dalam semua lapangan hidup. Keperluan tenaga manusia dalam kerja semakin berkurang. Objektif kertas kerja ini adalah melihat bagaimana generasi yang berpegang teguh dengan Quran dalam menghadapi RI 4.0. Ia juga melihat kepada ciri-ciri generasi Quran yang hidup semasa wahyu diturunkan yang telah melakar kejayaan yang cemerlang dalam sejarah peradaban manusia. Namun begitu keunggulan generasi al-Quran tersebut telah tidak muncul selepas zaman mereka. Perkara ini perlu dibincang dan dimuhasabah lebih-lebih lagi dengan kemunculan perkembangan RI 4.0 kerana dibimbangi kehidupan umat Islam akan hanyut dalam arus perkembangan semasa. Justeru al-Quran terus kekal menjadi panduan hidup manusia di setiap zaman. Tidak luntur relevansinya dek perkembangan yang berlaku dan amat membantu manusia untuk mencapai keharmoniaan hidup di setiap zaman.

Kata Kunci: Generasi Quran, Revolusi Industri 4.0

Pendahulaun

Di permulaan buku Petunjuk Sepanjang Jalan karangan Sayyid Qutb ada menceritakan kegagalan teori aliran pemikiran barat yang berasas kepada keduniaan dan tidak berasas kepada nilai yang murni. Secara umumnya ia bertentangan dengan tabiat fitrah manusia. Islam sahajalah yang memiliki nilai dan manhaj yang lurus. Namun begitu, nilai murni yang indah dalam Islam yang mewakili masyarakat Islam tidak dipandang. Kewujudan umat Islam seakan terasing dalam realiti kehidupan. Perkara ini berlaku semenjak umat Islam meninggalkan syariat Islam.

Bagi mengembalikan kemuliaan umat Islam perlu kepada anjakan yang menyeluruh dalam pemikiran dan pengamalan. Generasi Sahabat RA adalah contoh terbaik kemuliaan umat Islam. Mereka menerima didikan secara langsung daripada Nabi SAW. Kajian kehebatan mereka dibicarakan oleh ramai ulamak dan antara yang menampilkan faktor kejayaan mereka adalah Sayyid Qutb dalam kitabnya *Petunjuk Sepanjang Jalan*.

Para Sahabat RA adalah generasi pertama yang lahir dari dakwah Nabi SAW. Mereka adalah generasi yang amat istimewa dalam sejarah Islam bahkan dalam sejarah peradaban manusia keseluruhannya. Mereka mempunyai akhlak yang mulia, iman yang ikhlas dan banyak kejayaan yang mereka pahat dalam sejarah umat Islam. Perkara ini tidak berulang untuk kali kedua. Betul ada beberapa peribadi yang hebat di sepanjang zaman selepas generasi mereka tetapi tidak berkumpul sekumpulan yang hebat seumpama bilangan yang besar Sahabt RA dan di tempat yang satu sebagaimana berlaku masa permulaan dakwah dahulu. (Sayyid Qutb: 1987)

Perkara ini amat jelas dan perlu difikir dengan muhasabah dalam melihat penerimaan golongan muda masa kini terhadap dakwah supaya mereka menyedari perkara ini. Dan agar kita diberi hdayah ke arah kecemerlangan dan dapat mencapai rahsia kejayaan generasi para Sahabat RA yang amat unik tersebut. Sesungguhnya Quran adalah kitab dakwah yang terbentang luas dihadapan kita. Manakala hadith Rasullullah SAW adalah panduannya yang praktikal. Sirah yang mulia telah membuktikan kedua-dua peninggalan pusaka tersebut berjaya. Semuanya di hadapan kita. Generasi pertama yang dididik oleh Nabi SAW tidak akan berulang dalam sejarah.

Tarbiah Nabi Saw Kepada Sahabat RA

Tarbiah Nabi SAW kepada para Sahabat RA melalui dakwah ini terbukti kejayaannya dengan melahirkan para Sahabat RA yang mengembangkan ajaran Islam. Persoalannya ialah kenapakah generasi selepas Sahabat RA tidak cemerlang sebagaimana kejayaan para Sahabat RA sedangkan dakwah ini adalah untuk seluruh manusia dan kenapakah dakwah ini dijadikan sebagai risalah terakhir? Persoalan lain ialah kenapakah al-Quran yang digunakan Nabi SAW dalam mendidik para Sahabat RA dijamin dan terus dijaga oleh Allah SWT?

Penjagaan al-Quran ini adalah kerana kesinambungan dakwah ini akan dilakukan selepas Nabi SAW dan mungkin akan membuahkan hasilnya. Allah SWT juga memilih Nabi SAW berpindah kepadanya iaitu wafat selepas 23 tahun membawa risalah. Justeru hilang tubuh Rasullullah SAW jangan ditafsirkan secara zahir dan memberi alasan.

Sebab utama generasi pertama ini melonjak atau mempunyai keistimewaan kerana mereka mengambil ilmu hanya dari sumber al-Quran sahaja. Hadith Nabi pula adalah panduan hidayah dan kesan dari sumber tersebut. Aisyah RA ditanya akhlak Rasulullah SAW dan menjawab akhlaknya adalah al-Quran.

Nabi berakhlak dengan al-Quran, gerak gerinya dengan al-Quran dan semua tindak tanduknya adalah berasas kepada al-Quran. Masyarakat arab pada masa tersebut tidak ada kemajuan, knowledge, ilmu, penulisan dan kajian. Semuanya tidak ada. Namun begitu tamadun yang ada ketika itu jauh dari kota Makkah seperti tamadun Roman, tamadun Parsi dan ajaran yahudi serta nasara. Tetapi Nabi SAW memberi tumpuan hanya kepada al-Quran. Nabi SAW marah apabila Umar ibn Khattab RA memegang lembaran Taurah dengan berkata: Demi Allah jika Musa masih hidup ketika ini tidak ruang baginya kecuali mengikut ajaranku.

Ini menggambarkan bahawa Rasulullah SAW mahukan hanya fokus kepada Quran sahaja. Rasulullah mahukan generasi pertama ini ikhlas hati, bersih akal, bersih gambaran, bersih jiwa, bersih dari segala kesan selain manhaj ilahi yang terkandung dalam Quran. Atas faktor tersebut, generasi pertama mendapat ilmu dan panduan hanya bersumber kepada al-Quran sahaja.

Bahasa Al-Quran Memukau Sanubari

Kajian terhadap pakaian bahasa al-Quran yang menarik hati manusia berlaku sejak mula al-Quran diturunkan. Di kalangan yang mendengar al-Quran ada yang terbuka dadanya dan terus memeluk agama Islam. Namun begitu sebahagian yang lain tertutup hatinya untuk beriman walaupun mengaku kehebatan al-Quran dan kekuatan bahasanya yang mereka sendiri tahu bahawa ia sebenarnya bukan kalam manusia tetapi kalam Allah SWT.

Peringkat permulaan Islam kisah beriman dengan al-Quran dan kisah kufur dengan al-Quran dibawa contoh dengan kisah Umar Ibn Khattab RA dan kisah al-Walid Ibn al-Mughirah. Kedua-dua kisah ini menggambarkan bahawa al-Quran memukau hati mereka. Umar Ibn al-Khattab RA beriman kepada Allah dan Rasul manakala al-Walid Ibn al-Mughirah pula tidak beriman walaupun amat tertarik dengan bahasa al-Quran.

Beberapa riwayat menceritakan kisah Islam Umar Ibn Khattab RA. Antaranya ialah Riwayat Ata' dan Mujahid Ibn Jabr yang dinukilkan oleh Ibn Ishaq daripada Abdullah Ibn Abi Nujaih. Umar Ibn Khattab berkata, "pada awalnya aku amat jauh dengan Islam. Di zaman jahiliyyah aku amat suka minum arak. Kami dari kumpulan lelaki Quraisy selalu berkumpul dalam satu majlis. Satu hari aku keluar untuk mendapatkan sahabatku tetapi aku tidak menemuinya. Aku mencari beberapa sahabat yang lain dan

tidak menjumpai mereka. Lalu aku berkata kalau lah aku pergi ke Kaabah dan bertawaf tujuh keliling atau 70 keliling.

Semasa aku sampai ke Kaabah, aku mendapati Rasulullah SAW sedang melakukan solat. Baginda SAW menghadap ke Syam. Posisi Nabi SAW semasa solat adalah antara dua rukun iaitu rukun Yamani dan rukun Hajar Aswad. Ketika melihat Nabi SAW, Umar Ibn al-Khattab berkata Demi Allah kalau lah malam ini aku mendengar apa yang diucap oleh Muhammad. Aku menghampiri Hajar Aswad dan berlindung di bawah kelambu kaabah untuk mendengar bacaannya. Aku amat dekat dengan Rasulullah. Ketika aku mendengar al-Quran hati ku menjadi lembut dan aku menangis. Lantas aku memeluk Islam.

Berlainan pula dengan kisah al-Walid Ibn al-Mughirah yang mendengar Quran. hatinya seolah lembut. Apabila melihat keadaan sebegini, Quraisy berkata demi Allah sesungguhnya al-Walid telah dirasuk dan kalau maca mini semua Quraisy akan dirasuk. Quraisy telah mengutus Abu Jahal yang terkenal dengan kesombongannya untuk membangkitkan kemegahan dengan harta dan bangga dengan anak kepada al-Walid supaya al-Walid berkata sesuatu kepada al-Quran dengan perkataan yang apabila kaumnya mendengar akan tahu bahawa al-Walid benci kepada al-Quran. (Sayyid Qutb: 2004)

AL-Walid berkata apakah yang aku perlu kata kepada Quran? Demi Allah, tidak ada seorang pun di kalangan kamu yang lebih tahu daripada aku berkenaan syair, qasidah, rajz atau syair jin. Demi Allah apa yang diucap Muhammad tidak menyerupai semua perkara itu. Demi Allah, sesungguhnya perkataan yang diucapnya iaitu Quran adalah sangat manis, kefasihannya amat memukau, sesungguhnya Quran akan menghancurkan yang lain, sesungguhnya al-Quran adalah tertinggi dan tidak ada yang lebih tinggi darinya. Abu Jahal berkata, Demi Allah, kaum mu tidak akan redha apa yang kamu ucapkan. Al-Walid berkata, beri tempoh kepada ku berfikir. Selepas beberapa ketika, ia berucap sesungguhnya al-Quran adalah sihir yang memberi kesan, tidakkah kamu melihat Quran memisahkan seseorang dengan ahli keluarganya?.

Al-Quran merakam peristiwa tersebut dalam surah al-Muddathir:

ذَرْنِي وَمَنْ خَلَقْتُ وَحِيدًا وَجَعَلْتُ لَهُ مَالًا مَمْدُودًا وَبَنِينَ شُهُودًا وَمَهَدْتُ لَهُ تَمَهِيدًا ثُمَّ يَطْمَعُ أَنْ
أَزِيدَ كَلَّا إِنَّهُ كَانَ لِآيَاتِنَا عَنِيدًا سَأَرْهَقُهُ وُصُوعًا إِنَّهُ فَكَّرَ وَقَدَّرَ فَقَتِلَ كَيْفَ قَدَّرَ ثُمَّ قَتَلَ كَيْفَ
قَدَّرَ ثُمَّ نَظَرَ ثُمَّ عَبَسَ وَبَسَرَ ثُمَّ أَدْبَرَ وَاسْتَكْبَرَ فَقَالَ إِنْ هَذَا إِلَّا سِحْرٌ يُؤْتَرُ إِنْ هَذَا إِلَّا سِحْرٌ
يُؤْتَرُ

Biarkanlah Aku membalas orang yang Aku sendiri telah menciptakannya. Setelah itu Aku berikannya harta yang melimpah ruah. Dan anak-anak yang sentiasa di sisinya. Dan Aku limpahkannya dengan umur yang panjang dan anak yang ramai. Setelah itu dia ingin sekali Aku tambahkan lagi nikmat untuknya. Tidak sama sekali. Sesungguhnya dia seorang yang degil untuk menerima ayat-ayat Kami. Nescaya Aku akan lelahkannya secara berterusan sehingga dia tidak terdaya. Sesungguhnya dia telah berfikir dan menentukan tuduhan terhadap al-Quran. laknat ke atasnya! Bagaimanakah dia menentukannya? Celakalah baginya! Bagaimanakah dia menentukannya? Setelah itu dia merenung semula. Kemudian wajahnya bertukar masam dan berkerut-kerut. Setelah itu dia memilih untuk berpaling dan bersikap takbur. Lalu dia berkata, “Apa yang dibawa Muhammad ini hanyalah sihir yang dipelajari daripada mereka yang terdahulu.” (al-Muddathir: 11-25)

Ayat yang memukau memberi kesan dan memisahkan antara seseorang dengan keluarga. Ucapan seorang lelaki yang benci kepada Islam dan bersikap takbur untuk memeluk Islam. Bermegah dengan banyak harta dan ramai anak. Bukan perkataan lelaki yang beriman. Menariknya dia mengaku bahawa Quran memukau yang tidak dapat dikalahkan. Ini bukti yang jelas bahawa al-Quran memukau bangsa arab.

Dua kisah di atas adalah pertembungan antara kisah beriman dengan al-Quran dan kisah kufur. Walaupun mengaku al-Quran memberi kesan dan memukau. Dua lelaki tersebut mempunyai kekuatan dan pengaruh di kalangan kaum mereka. Takwa telah menguasai dada Umar Ibn Khattab RA. Manakala al-Walid Ibn al-Mughirah pula dikuasai dengan keangkuhan dan kesombongan. Kedua-duanya memilih jalan yang yang berlainan tetapi mereka sama dalam satu noktah iaitu “al-Quran memukau”.

Faktor Kelemahan Umat Islam

Selepas generasi Quran yang pertama ini, berlaku percampuran sumber pengambilan ilmu. Mereka menerima sumber ilmu dari falsafah, cerita dongeng farsi, israiliyyat yahudi dan ketuhanan nasara. Semua sumber tersebut menjadi punca yang merosakkan kemajuan dan thaqafah. Perkara tersebut juga bercampur dengan tafsir Quran, bercampur juga dengan feqh dan usul. Hal ini berlaku pada genearasi demi generasi sehingga keunggulan umat Islam tidak lagi lahir seumpama generasi yang pertama.

Generasi pertama tidak membaca Quran untuk thaqafah dan kajian. Tidak untuk menikmati kelunakan tilawah tetapi mereka menerima Quran adalah untuk menerima arahan Allah. Khususnya untuk tujuan mereka hidup. Arahan tersebut adalah untuk diamalkan sejurus mendengarnya sebagaimana ibarat tentera menerima arahan di medan perang yang terus melaksanakan arahan pemimpin mereka tanpa ditangguh.

Mereka hendak melakukan banyak kewajipan dan tanggungjawab yang berada di atas bahu mereka. Cukup hanya mereka belajar dengan sepuluh ayat tetapi memastikan berjaya menghafaz dan beramal sebagaimana hadith Ibn Mas'ud RA. (Sayyid Qutb: 1987)

Keazaman mereka adalah untuk talaqqi dan lakukan. Dengan itu terbuka di hadapan mereka seluruh ufuk kenikmatan dalam al-Quran dan ufuk ilmu pengetahuan. Sesungguhnya al-Quran tidak memberi harta karunnya kecuali kepada mereka yang menerima al-Quran dengan ruh. Al-Quran bukan kitab kenikmatan akal, bukan kitab sastera dan seni. Bukan kitab kisah atau tarikh walaupun semua benda itu terdapat dalamnya. Tetapi ia datang sebagai kitab manhaj kehidupan. Perlu mendapatkannya dengan ikhlas.

Al-Quran diturunkan dengan secara beransur adalah bertepatan dengan kehendak manusia seiring dengan perkara yang berlaku. Ia juga menepati dengan perkembangan pemikiran dan gambaran yang betul dalam masyarakat dan kehidupan. Ayat-ayat Quran yang diturunkan menyelesaikan masalah yang berkaitan diri dan masyarakat. Menggariskan manhaj yang tepat dan membetulkan kesalahan dalam kehidupan. Mengikat semua tindakan mereka dengan Allah SWT.

Sesungguhnya amat baik kita mendapatkan kembali manhaj yang baik ini sebagai asas kehidupan dan prinsip. Membebaskan semua fahaman yang tidak betul dengan mengharap dapat mencapai generasi Quran yang unik.

Revolusi Industri 4.0 Dan Kesan Terhadap Pendidikan Quran

Perkembangan teknologi mencatat beberapa kali kemajuan yang berlaku. Bermula dengan teknologi wap, diikuti dengan penciptaan teknologi elektrik dan disusuli dengan teknologi komputer. Di era mutakhir ini perkembangan teknologi semakin maju dengan terlaksana di negara maju penggunaan teknologi robot dalam perkilangan. Kesan teknologi robot ini, kilang-kilang besar menggunakan teknologi ini untuk melipatgandakan produktiviti. Kesan RI 4.0 ini menyebabkan penggunaan tenaga manusia dikurangkan dalam beberapa segmen pekerjaan.

RI 4.0 juga berlaku dalam semua dimensi kehidupan manusia termasuk dalam sistem pendidikan. Rukun utama dalam sistem pendidikan ialah pelajar, guru, kurikulum dan Alat Bantu Mengajar (ABM). Ketika pandemik covid 19 melanda dunia di permulaan tahun 2000, bidang Pendidikan telah mengambil langkah untuk meneruskan pengajian kerana kelangsungan pendidikan adalah amat penting dalam mengukur kemajuan sesuatu negara.

Banyak kajian telah dilakukan terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) melalui aplikasi whatsapp, zoom, google meet, MS team dan lain-lain dijalankan. PdP dilakukan di peringkat rendah, menengah sehinggalah ke peringkat universiti. Ia

juga melibatkan semua kursus atau subjek termasuk pengajian al-Quran sama ada ilmu Takwid, Tafsir, Ulum al-Quran dan juga hafazan.

Hafazan al-Quran adalah subjek yang unik kerana perlu menghafaz ayat-ayat Quran dengan fasih dan lancar. Proses mengingat Quran ini perlu kepada jadual masa yang konsisten dan berlaku setiap hari. Pengesahan hafazan ini perlu dilakukan di hadapan guru. Dalam masa pandemik covid 19, subjek ini turut dilaksanakan PdP dalam bentuk aplikasi yang digunakan dalam subjek yang lain. Walaupun begitu PdP untuk subjek hafazan dalam bentuk sebegini bukanlah bersifat berterusan tetapi mestilah ada juga perjumpaan dengan guru bagi memastikan bacaan dan hafazan semasa online adalah sama dengan bacaan secara berhadapan. Segala hukum tajwid yang dibaca semasa online adalah sama dengan bacaan berhadapan guru.

Sewajarnya kemajuan RI 4.0 dalam semua dimensi kehidupan perlu dilihat dari sudut positif. PnP dalam dunia Pendidikan akan mengalami banyak lagi perkembangan yang canggih namun begitu guru dan pengajar dalam bidang Quran ini perlu menguasai kaedah dan Teknik PnP dengan lebih baik sehinggalah natijah yang diperolehi amat berkesan kepada pencapaian pelajar dalam subjek Quran.

Keunggulan Quran

Ayat-ayat al-Quran yang diturunkan di Makkah atau disebut Makiyyah menceritakan rahsia kewujudan manusia di alam dunia ini. Siapakah kamu? Di manakah kamu sekarang? Dan kemanakah kamu akan pergi selepas ini? al-Quran juga memberi penjelasan siapakah yang mewujudkan alam ini dan menguruskan alam ini? seterusnya menerangkan juga bagaimanakah berkomunikasi dengan pencipta alam ini dan cara berinteraksi sesama hamba.

Isu-isu asas seperti di atas dihurai dalam al-Quran yang boleh dikatakan sebagai peraturan hidup. Perkara tersebut semestinya disempurnakan dahulu segala maklumat berkaitan bagi menerima satu tanggungjawab yang besar iaitu menguruskan kehidupan beragama di alam dunia ini di mana Allah SWT telah menentukan seorang Rasul untuk tugas tersebut.

Penurunan al-Quran adalah satu kemuliaan kepada umat Nabi Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

لَقَدْ أَنْزَلْنَا إِلَيْكُمْ كِتَابًا فِيهِ ذِكْرُكُمْ أَفَلَا تَعْقِلُونَ

Sesungguhnya Kami telah turunkan kepada kamu al-Quran yang mengangkat kedudukan kamu jika kamu beriman dengannya. Adakah kamu tidak berfikir tentang perkara ini. (al-Anbiya: 10)

Semasa al-Quran diturunkan kepada generasi pertama penerimaan yang mereka rasai apabila dibaca al-Quran adalah hati mereka menjadi tenang, tunduk dan jatuh ke tanah

serta air mata berlinangan kerana mengetahui bahawa al-Quran adalah satu kebenaran daripada Allah SWT.

Dalam surah al-Zumar, sifat al-Quran dinyatakan sebagai menjadikan hati tenang. Firman Allah SWT:

اللَّهُ نَزَّلَ أَحْسَنَ الْحَدِيثِ كِتَابًا مُتَشَابِهًا مَثَانِيَ تَقْشَعِرُّ مِنْهُ جُلُودُ الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ ثُمَّ
تَلَيْنُ جُلُودَهُمْ وَقُلُوبُهُمْ إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ ذَٰلِكَ هُدَىٰ اللَّهِ يَهْدِي بِهِ ۖ مَنْ يَشَاءُ ۖ وَمَنْ يُضَلِلِ
اللَّهُ فَمَا لَهُ مِنْ هَادٍ

Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu kitab suci al-Quran yang mempunyai ayat-ayat yang sama dari sudut kebenaran dan keindahan serta berulang padanya pelbagai perkara. Apabila mendengarkannya bergementarlah kulit orang yang takut kepada Tuhan mereka, kemudian kulit dan hati mereka menjadi tenang dan lembut mengingati Allah. Al-Quran itulah hidayah Allah. Allah memberi hidayah dengan al-Quran kepada sesiapa yang dikehendakiNya. Dan ingatlah sesiapa yang disesatkan Allah maka tiada sesiapa pun yang dapat memberi hidayah kepadanya. (al-Zumar: 23)

Asma bint Abu Bakr al-Siddiq RA berkata, “Para Sahabat RA apabila dibaca al-Quran dibaca kepada mereka sebagaimana Allah sifatkan mereka, bergemang air mata dan bergetar kulit mereka. Di kata kepada beliau, manusia hari I apabila dibaca al-Quran kepada mereka jatuh bersungkur pengsan. Lantas Asma’ RA berkata, “Aku berlindung dengan Allah daripada syaitan yang direjam.” (al-Zuhaili: 2016)

Apabila al-Quran dibaca kepada orang yang mempunyai ilmu, mereka jatuh sujud kepada Allah SWT. firman Allah SWT:

قُلْ ءَامِنُوا بِهِ ۚ أَوْ لَا تُؤْمِنُوا إِنَّ الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ مِنْ قَبْلِهِ ۚ إِذَا يُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ يَخِرُّونَ
لِلْآذْقَانِ سُجَّدًا. وَيَقُولُونَ سُبْحَانَ رَبِّنَا ۖ إِنْ كَانَ وَعْدُ رَبِّنَا لَمَفْعُولًا

Katakanlah kepada manusia, “Berimanlah kalian dengannya atau tidak beriman dengannya ia tidak memberi kesan kepada Allah. Sesungguhnya orang yang diberi ilmu dengan kitab-kitab sebelum al-Quran apabila dibacakan kepada mereka al-Quran, mereka akan tunduk sujud bersyukur kepada Allah. Mereka berkata, “Maha Suci Tuhan kami daripada mengingkari janji-Nya. Sesungguhnya janji Tuhan kami itu pasti dilaksanakan.” (al-Isra: 107-108)

Menurut al-Asyqar, ayat ini diturunkan kepada ahli Kitab yang berpegang teguh kepada kitab mereka tanpa mengubah dan menyeleweng kandungannya. Apabila Quran dibaca kepada mereka, muka mereka jatuh ke tanah bersujud kepada Allah kerana bersyukur kepada Allah yang memberi nikmat dapat menjadi pengikut Nabi

Muhammad SAW. Merka sempat berjumpa dengan Nabi SAW yang diturun kepadanya kitab Quran. (Sulaiman Asyqar: 2009)

Allah SWT berfirman:

وَإِذَا سَمِعُوا مَا أُنزِلَ إِلَى الرَّسُولِ تَرَىٰ أَعْيُنُهُمْ تَفِيضُ مِنَ الدَّمْعِ مِمَّا عَرَفُوا مِنَ الْحَقِّ
يَقُولُونَ رَبَّنَا ءَامَنَّا فَاكْتُبْنَا مَعَ الشَّاهِدِينَ

Dan apabila mereka mendengar wahyu yang telah dituturkan kepada rasul, kamu dapat melihat air mata mereka bercucuran kerana mengetahui kebenaran wahyu al-Quran daripada kitab suci mereka, lalu mereka berdoa, “Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman. Oleh itu, catatkan kami bersama-sama mereka yang menyaksikan kebenaran al-Quran dan kenabian Muhammad.” (al-Maidah: 83)

Menurut al-Baidhawi, ayat ini diturunkan kepada al-Najasyi dan pengikutnya. Nabi SAW mengutus surat kepada al-Najasyi dan membacanya. Selepas itu, Najasyi memanggil Ja'afar Ibn Abi Talib dan sahabat yang lain bersama juga dengan padri-padri Kristian. Najasyi mengarah kepada Jaafar Ibn Abi Talib RA membaca al-Quran. lalu Ja'far membaca surah Maryam. Najasyi dan pengikut mereka menangis. Mereka memeluk agama Islam. (al-Baidhawi:1988)

Kesimpulan

Umat Islam pada masa kini seharusnya membuat muhasabah secara menyeluruh dengan melihat sejauh manakah hubungan kita dengan al-Quran. Jika generasi pertama dahulu yang dikenali dengan generasi al-Quran yang menjadikan al-Quran sebagai pedoman hidup yang hakiki dalam semua aspek kehidupan dan mereka telah berjaya mengembangkan ajaran Islam. Tidak sampai setengah kurun, Islam telah menguasai hampir sepertiga dunia ini.

Pada era mutakhir ini perkembangan teknologi semakin cepat berlaku dalam semua bidang. Perkara ini memberi kesan kepada cara hidup dan khususnya kepada dunia Pendidikan. Umat Islam seharusnya menerima baik perkembangan teknologi yang berlaku ini dan cuba menyesuaikan sebaik mungkin dengan berpegang teguh dengan tanggungjawab sebagai umat Islam.

Sejak dari permulaan lagi, metode pengajian al-Quran tetap sama, sama ada bacaan atau memahami al-Quran. Ini kerana pengajian Quran mestilah berasas kepada sanad dan talaqi musyafahah. al-Quran mempunyai daya kuatnya yang tersendiri dan bahasanya amat tinggi. Generasi sahabat RA adalah contoh terbaik bagaimana al-Quran masuk ke dalam jiwa mereka dan al-Quran satu-satunya sumber mereka. Tidak ada sumber ilmu lain yang mereka ambil. Generasi Quran seperti itulah yang patut dicontohi oleh umat Islam yang hidup di zaman mutakhir ini yang mengalami kemajuan RI 4.0.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Muhammad Sulaiman al-Asyqar, 2009, al-Qabas al-Munir Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir, Cetakan pertama, Dar Ibn Hazm, Beirut: Lubnan.

Nasiruddin Abi Said Abdullah Ibn Umar Ibn Muhammad al-Syirazi al-Baidhawi, 1988, Tafsir al-Baidhawi Musamma Anwar al-Tanzil Wa Asrar al-Takwil, Cetakan pertama, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut: Lubnan.

Sayyid Qutb, 1987, M'alim Fi al-Tariq, Cetakan 11, Dar al-Syuruq, Beirut: Lubnan.

Sayyid Qutb, 2004, al-Taswir al-Fanni Fi al-Quran, Cetakan 17, Dar al-Syuruq, Qaherah: Mesir.

Wahbah al-Zuhaili, 2016, al-Tafsir al-Munir, Fi al-Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj, Cetakan 13, Dar al-Fikr, Beirut: Lubnan.